



UMP Racing sertai sambutan kemerdekaan

UMP Racing Team (UMP RT) menyertai Sambutan Kemerdekaan Malaysia Ke-59 yang diraikan pada 31 Ogos 2016 yang lalu bandar Kuantan.

UMP RT mewakili universiti menampilkan dua buah jentera yang merupakan enjin kenderaan bagi kategori 131 cc dan 250cc.

Jentera yang dibawa ini disediakan sebagai persiapan pasukan ini untuk menyertai perlumbaan Educational Innovation Motorsport dan Automotive Race (EIMARACE) 2016 anjuran Malaysian Japan International Institute of Technology (MJIIT) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada masa akan datang.

Bagi ketua perarakan, Muhd Kairul Rizwan Mohamad Kamaruzaman, 30 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berkata, perarakan kali ini memberi semangat kepada kami untuk bertanding di dalam perlumbaan EIMARACE nanti.

“Penglibatan pasukan kami tahun ini untuk menunjukkan semangat patriotik untuk

sambutan tahun ini.

“Dalam pada masa yang sama kami juga dapat mempamerkan jentera baharu pasukan kami” katanya.

Manakala bagi dua orang mahasiswa yang mengendalikan jentera sepanjang perarakan berasa bangga atas pencapaian yang dicapai oleh pasukan apabila mereka berjaya menyiapkan jentera yang sekaligus dapat dipertontonkan kepada orang ramai.

Bagi Muhammad Ilman Mohd Rizam dan Wan Amir Haziq Wan Mohd Pandi, 22 dari fakulti yang sama memandu jentera 131 cc dan 250 cc bertuah kerana dapat bersama-sama meraikan sambutan kemerdekaan tahun ini dengan cara persembahan yang menarik.

Selain UMP, sambutan turut disertai MJIIT UTM, TATI University College dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Pekan serta Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Kemaman yang juga mengambil bahagian dengan mempertontonkan kehebatan jentera masing-masing.

